

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

Larangan jemaah melawat ladang unta

KUALA LUMPUR - Lembaga Tabung Haji (TH) melarang umat Islam negara ini yang mengerjakan haji dan umrah daripada melawat ladang unta berikutan kesjangkitan Sindrom Pernafasan Timur Tengah-Virus Korona (Mers-CoV).

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Seri Johan Abdullah berkata, larangan lawatan ke ladang unta dikeluarkan sejak Julai 2015 oleh Kementerian Kesihatan dan ia masih kekal kepada semua jemaah haji Malaysia, selagi virus tersebut masih gagal dikawal.

Beliau berkata, TH dan Kementerian Kesihatan sentiasa bekerjasama mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman berkaitan Mers-CoV kepada bakal jemaah haji serta langkah pencegahan semasa kursus haji.

"TH juga memastikan tiada program ziarah ke ladang unta di Tanah Suci sejak larangan tersebut dikeluarkan," katanya, semalam.

Johan berkata, TH menyeru para jemaah haji dan umrah serta syarikat umrah persendirian patuh larangan tidak melawat ke ladang unta bagi mengelak dijangkiti Mers-CoV.